

# Peguam Negara diminta berunding dengan Singapura

BH - 18/12/2022 w/s: 2

**Putrajaya:** Kabinet semalam memutuskan isu tuntutan Pulau Batu Puteh dikaji semula, termasuk mengadakan rundingan segera dan bermakna dengan Kerajaan Singapura.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata mesyuarat Kabinet sudah meminta Peguam Negara, Tan Sri Idrus Ha-

run meneliti semula dan mengkaji isu berbangkit terhadap pulau yang sudah diserahkan kepada negara jiran itu oleh Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada 2008.

Katanya, ia supaya rundingan lebih bermakna dan segera dapat diadakan dengan Singapura.

"Kita minta Peguam Negara

memberi penjelasan mengenai kontroversi tuntutan Batu Puteh yang sekarang sudah dipindahkan ke Singapura oleh ICJ dan kesan sampingannya.

"Kerajaan juga meminta supaya (ia) diteliti semula supaya ada rundingan yang lebih bermakna dan segera dengan Singapura supaya tidak ada masalah berbangkit dalam hubungan dua negara sahabat," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet, di sini, semalam.

Pada 23 Mei 2008, ICJ memutuskan Singapura mempunyai hak terhadap Batu Puteh, manakala Batuan Tengah milik Malaysia selain memutuskan hak milik Tubir Selatan, akan ditentukan mengikut persempadanan perairan negara yang menguasainya.

Pada Jun 2017, Malaysia membuat permohonan kepada ICJ berhubung pentafsiran penghakiman itu.

### Tarik balik tuntutan

Bagaimanapun, pada 2018, Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad menarik semula permohonan membatalkan keputusan ICJ yang memutuskan hak Singapura terhadap Batu Puteh.

Pada 13 Oktober lalu, Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri

Ismail Sabri Yaakob dalam satu kenyataan dilaporkan berkata jemaah menteri bersetuju Malaysia meneruskan tindakan perundingan di ICJ berkaitan kes kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan.

Keputusan itu dicapai setelah mendengar laporan pembentangan dan cadangan daripada Pasukan Petugas Khas Semakan Undang-Undang Kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan pada 7 Oktober lalu.

Batu Puteh ialah sebuah batu tunggul kira-kira 7.7 batu nautika (14 km), selatan Tanjung Penyusup, Johor dan 25 batu nautika (44 km) timur Singapura.

Ia kini menjadi milik Singapura, susulan pertikaian dibawa Malaysia dan Singapura ke ICJ pada 2003.

Sebelum ini dilaporkan ada penemuan tiga dokumen di National Archives of the United Kingdom antara 4 Ogos 2016 dan 30 Januari 2017 yang mendorong Malaysia memohon semakan semula keputusan ICJ berhubung Batu Puteh pada 2 Februari 2017 di bawah pimpinan kerajaan Barisan Nasional (BN).

Ia termasuk surat-menyurat dalaman pihak berkuasa tanah jajahan Singapura pada 1958, laporan mengenai satu kejadian difailkan seorang pegawai tentera

laut Britain pada 1958 dan satu peta berserta catatan mengenai operasi tentera laut dari tahun 1960-an yang memperakukan Batu Puteh tidak menjadi sebahagian daripada wilayah berdaulat Singapura dalam tempoh berkenaan.

### Bincang isu tertanggung

Dalam pada itu, Anwar berkata mesyuarat Kabinet semalam juga membincangkan beberapa hal tertanggung termasuk laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji).

Beliau berkata, ahli jawatankuasa RCI, bekas Ketua Hakim Negara, Tun Mohamed Raus Sharif telah memberi taklimat dan perbincangan akan disambung Januari ini berhubung perkara berkait dengan apa yang berlaku di Tabung Haji serta cadangan untuk memperbaiki pengurusan institusi kewangan Islam itu.

RCI ditubuhkan pada awal tahun ini di bawah Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 (Akta 119) bagi menyasiat isu berbangkit mengenai pengurusan dan operasi TH.

Ia bagi membolehkan siasatan lanjut dapat dibuat terhadap perkara berbangkit dan perakuan sewajarnya dapat dikemukakan kepada kerajaan bagi memulihkan imej serta keyakinan rakyat terhadap kewibawaan TH.

## Ibadat & Fadilat

Abu Hurairah RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya seseorang hamba apabila mengucapkan sesuatu perkataan tanpa diteliti akan kebenarannya, akan membuatnya terjerumus ke dalam neraka yang dalamnya sejauh antara jarak timur hingga barat." (HR Ahmad, Bukhari dan Muslim)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:07	1:16	4:37	7:07	8:22
Alor Setar	6:07	1:16	4:37	7:08	8:23
P. Pinang	6:06	1:16	4:38	7:09	8:24
Ipoh	6:02	1:14	4:36	7:09	8:23
Kuala Lumpur	5:58	1:11	4:34	7:08	8:23
Shah Alam	5:53	1:11	4:34	7:08	8:23
Johor Bahru	5:46	1:02	4:26	7:02	8:17
Kuantan	5:51	1:05	4:28	7:03	8:17
Seremban	5:55	1:10	4:33	7:08	8:23
Bandar Melaka	5:53	1:09	4:32	7:07	8:22
Kota Bharu	5:59	1:09	4:30	7:01	8:11
K. Terengganu	5:54	1:05	4:26	6:58	8:13
Kota Kinabalu	5:04	12:14	3:36	6:07	7:22
Kuching	5:21	12:37	4:01	6:37	7:52